


SISTEM PEMBETUNGAN BERSEPADU



JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN SARAWAK
(Sewerage Services Department Sarawak)

Tingkat 7, Wisma Saberkas
Jalan Tun Abang Haji Openg
93000 Kuching, Sarawak, Malaysia
☎ 60-82-230450 📠 60-82-230460
🌐 www.ssd.sarawak.gov.my

No. Siri : 005/09

SUMBER AIR



Air merupakan khazanah bumi yang berharga kepada manusia. Ianya penting untuk kegunaan harian dan sebagai tempat untuk beriadah. Saban hari, sungai kita kian tercemar akibat dari aktiviti manusia yang tidak terkawal. Pengurusan air yang tidak cekap boleh menyebabkan sumber air kita semakin terancam. Kita harus menjaganya daripada dicemari.

AIR KUMBAHAN


Bekalan air bersih disalurkan terus kepada pengguna melalui rangkaian paip yang disediakan oleh agensi perkhidmatan bekalan air setempat.

Air kumbahan yang terhasil dari rumah kita terbahagi kepada dua kategori:

- Air kumbahan dari tandas (Blackwater)
- Air kumbahan dari dapur, bilik mandi dan tempat cucian (Greywater)

Air kumbahan dari tandas hanya dirawat secara ringkas di dalam tangki septik.


Bagaimanapun, air kumbahan dari dapur, bilik mandi dan tempat cucian disalurkan kembali ke parit dan sungai tanpa sebarang rawatan yang khusus.



TANGKI SEPTIK KONVENSIONAL

Tangki septik konvensional hanya merawat sebahagian daripada air kumbahan yang keluar dari tandas. Peranan utama tangki septik ialah untuk bertindak sebagai tangki mendapan dan hanya mampu menapis sekitar 40% bahan cemar. Ianya tidak berupaya membuang bahan kimia serta bakteria lain yang terdapat di dalam air kumbahan dari tandas.

APAKAH SISTEM PEMBETUNGAN BERSEPADU?



Sistem ini mengumpul air sisa domestik dari dapur, bilik air, tempat cucian dan tandas sebelum disalurkan melalui rangkaian paip bawah tanah ke loji rawatan kumbahan bersepadu.

Loji ini merawat kumbahan secara berperingkat sehingga mencapai tahap kebersihan *Standard A* sebelum disalir semula ke sungai. Bahan pejal (enapcemar) sampingan akan dihantar ke proses pelupusan sanitari untuk rawatan lanjut.

MENGAPAKAH SISTEM PEMBETUNGAN BERSEPADU ITU PENTING?

Tangki septik konvensional hanya merawat air kumbahan dari tandas. Air kumbahan dari dapur, bilik air dan tempat cucian pula disalurkan terus ke parit dan sungai tanpa rawatan yang khusus.

Air kumbahan tandas yang sebahagiannya dirawat serta air kumbahan dari dapur, bilik air dan tempat cucian merupakan pencemaran yang ketara ke atas perairan kita.

Sistem Pembetungan Bersepadu mampu mengumpul kedua-dua jenis air sisa domestik ini dan merawat sehingga ke tahap *Standard A*.

